



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (1)
Tarikh : 7 Januari 2020

SIARAN MEDIA

PENYEDIAAN KAWASAN KHAS MEROKOK DI RESTORAN ATAU KEDAI MAKAN DI KAWASAN PBT

PUTRAJAYA, 7 Januari 2020 – KPKT menyokong inisiatif Kementerian Kesihatan berhubung arahan larangan merokok di semua tempat makan awam bermula 1 Januari 2020.

KPKT akan meminta semua PBT di seluruh negara untuk menyediakan kawasan khas merokok di kawasan sesuai seperti Kenyataan Akhbar saya pada 22 Disember 2019. Sebagai tambahan kepada kenyataan terdahulu, KPKT menyarankan agar pemilik restoran atau kedai makan menyediakan kawasan khas merokok.

Kawasan khas merokok yang disediakan hendaklah berada di luar premis makan dan sekurang-kurangnya 3 meter dari meja makan yang terdekat dan sebarang makanan atau minuman tidak boleh disediakan, dijual atau dihidang di dalam kawasan merokok tersebut bagi mematuhi Peraturan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pemilik premis perlu menyediakan tempat pembuangan puntung rokok dan adalah menjadi tanggung jawab pemilik premis untuk menjaga kebersihan kawasan tersebut. Satu notis/papan tanda yang jelas hendaklah dipasang untuk menandakan kawasan itu adalah 'Kawasan Merokok'.

Dicadangkan kawasan khas merokok yang berbumbung / berkanopi dan sekiranya tempat tersebut melibatkan pembinaan struktur kekal, kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan perlu diperolehi.

PBT boleh membuat permohonan peruntukan kepada KPKT untuk menyediakan kawasan khas merokok

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my